

3 jam berpaut pada tiang rumah

Warga emas bertarung nyawa ketika banjir kilat luar biasa melanda jam 1 pagi

MOHD TAHA YAACOB

TOK DOR - Seorang warga emas penghuni Penempatan Warga Tua (pondok) Nurul Saadah di sini berpaut lebih tiga jam pada tiang rumah bagi mengelak dihanyutkan arus deras dalam kejadian banjir kilat luar biasa di kawasan Jabu awal pagi semalam.

Mangsa, Siti Mariam Jusoh, 70, berkata, dalam kejadian 1 pagi tu, sambil menahan kesejukan, dia hanya berserah kepada Tuhan dan berfikir mengenai kematian selepas rumah penghuni dimasuki air diikuti arus agak deras.

Menurutnya, ketika kejadian dia dan 59 penghuni lain sedang lena tidur sebelum dia tersedar selepas terdengar bunyi deruman air kuat.

"Sebaik mendapati air mula masuk dalam rumah setinggi setengah meter dari tanah, makcik terus keluar rumah dan berpaut pada sebatang tiang anjung rumah dalam air paras lutut," katanya.

Siti Fatimah hanya mampu berdoa dan reda jika sebarang kejadian buruk berlaku terhadapnya manakala usaha imam di penempatan itu memindahkan mangsa gagal kerana air deras dan semakin dalam.

Rakan Siti Fatimah, Teh Mat, 90, yang tinggal bersebelahan terpaksa menyelamatkan diri dengan du-



Teh terpaksa bertenggek atas sinki air selama beberapa jam apabila bahagian dalam rumahnya digenangi air.

duk di atas sinki air selama berjam-jam selepas air di dalam rumahnya melepasi paras katil.

"Makcik duduk atas sinki kerana bahagian lain semua tenggelam dan kami tidak sempat berpindah ke tempat tinggi memandangkan kejadian berlaku sangat cepat ketika penghuni sedang tidur," katanya.

Hampir keseluruhan peralatan elektrik seperti peti sejuk, mesin basuh, televisyen dan perkakas lain semua mangsa di situ rosak.

Tiga kali pindah dalam tempoh semalaman

SEMENTARA itu di Kampung Renek, salah seorang mangsa berketurunan Cina, Kam Kock, 79 terpaksa

mengharungi air dalam gelap malam kira-kira jam 12.30 malam untuk berpindah ke pusat pemindahan.

Katanya, pada mulanya dia dan ahli keluarganya berpindah ke Balai Raya Renek namun terpaksa berpindah ke Pasar Renek pula akibat balai raya tersebut dinaiki air.

"Bagaimanapun selepas itu kami terpaksa berpindah ke sekolah pula disebabkan Pasar Renek juga dinaiki air apabila hujan lebat berterusan, sedangkan sebelum itu dua tempat pemindahan itu tidak ditenggelami air," katanya.

Paling menyedihkan bahagian dinding depan dan belakang rumahnya roboh dalam kejadian itu selepas dirempuh arus deras dalam kejadian banjir itu.

Kata Kam Kock, kejadian



Penduduk kampung bergotong-royong melipat permaidani yang rosak.

banjir kilat semalam adalah yang paling teruk dalam tempoh enam tahun, malah lebih teruk berbanding tahun 2005.

Salah seorang jiran Kam Kock berketurunan Siam, Mek Ketuk, 81, pula sedih apabila periuk belangnya dihanyutkan arus.

Menurutnya, hampir semua periuk dan kualiti di rumahnya dihanyutkan arus deras dan ia amat menyukarkan kehidupannya.

"Malahan semua peralatan elektrik di rumah rosak selain sebuah kereta dan dua buah motosikal milik cucunya ditenggelami air," katanya.

Seorang warga emas cacat penglihatan, Tin Yan Dollah, 62, yang berpindah ke Dewan Serba guna Apal pula tidak dapat melupakan pengalaman menaiki perahu ketika hujan lebat apabila rumahnya dinaiki air.

"Saya dibawa oleh anak dan cucu serta penduduk kampung sambil berpayung sejauh kira-kira setengah kilometer ke jalan raya sebelum dibawa ke dewan ini. Saya hanya mampu berdoa sepanjang berada di atas perahu itu," katanya.

Pelajar sedih, pakaian dan peralatan sekolah rosak

ADUN Jabu, Ramlan Ali menyifatkan kejadian banjir kilat semalam sebagai luar biasa kerana kampung yang tidak



Siti Mariam melakukan semula saat menakutkan bagaimana dia berpegang pada tiang kerana bimbang dihanyutkan arus.

pernah banjir sebelum ini, dinaiki air semalam.

Menurutnya, banyak kawasan terlibat antaranya Apal, Renek, Tok Dor, Tok Dor Dalam, Kampung Oh, Cabang Tiga Oh, Gong Ubi Keling, Pondok Paku, Padang Lengkuas Anak Musang dan sekitar Bukit Tempurung, Kerandang.

Di Kampung Tok Dor juga, pagar konkrit bahagian depan Sekolah Kebangsaan Tok Dor ranap selepas dirempuh arus deras dalam kejadian sama.

Manakala dalam tempoh enam tahun juga Masjid Tok Dor dinaiki air sedalam sekaki di dalam masjid menyebabkan permaidani, al-Quran, buku rujukan agama dan beberapa peralatan pembesar suara rosak.

Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan

Kampung (JKKK) Tok Dor, Zuhdi Ariffin berkata, kali terakhir masjid itu dinaiki air kira-kira enam tahun lalu dan dalam kejadian awal pagi semalam dianggap lebih lebih besar.

"Kejadian berlaku pada waktu lewat malam menyebabkan penduduk tidak sempat menyelamatkan peralatan masjid kerana banyak rumah penduduk juga yang terlibat," katanya.

Selain di Jabu beberapa kawasan di Jertih seperti Kampung Padang Landak, Lak Lok dan Tok Motong turut naiki air dalam kejadian itu namun tidak seteruk Jabu.

Dalam pada itu ramai pelajar yang bersedih kerana pakaian dan peralatan turut rosak dan musnah dalam kejadian itu sedangkan penggal persekolahan penggal baru akan bermula esok.



Mangsa banjir, Halimah Abdullah, 58 menunjukkan kesan paras air di rumah pada awal pagi semalam, di Jalan Dewan Apal.